



HAIWAN darat tertua dunia, kura-kura gergasi bernama Jonathan menyambut hari lahir ke-191. FOTO GWR

Selamat hari lahir ke-191 Jonathan!

HM 03/12/23 nls 22

Jamestown: Haiwan darat tertua di dunia, kura-kura bernama Jonathan menyambut hari lahir ke-191 di pulau Saint Helena.

Bagaimanapun, usia haiwan itu mungkin lebih tua daripada dicatatkan.

United Press International (UPI) melaporkan umur sebenar Jonathan tidak diketahui, tetapi usianya dikatakan sekurang-kurangnya 50 tahun

ketika dibawa ke pulau itu dari Seychelles pada 1882.

Anggaran berdasarkan usia Jonathan dibawa ke Saint Helena itu menjadikannya sekurang-kurangnya berusia 191 tahun, dan mungkin lebih tua, kata

Guinness World Records (GWR) mengumumkan.

Jonathan ialah haiwan darat tertua yang hidup di dunia, serta spesies kura-kura atau chelonian ter-

tua dalam sejarah yang direkodkan.

Ia kura-kura gergasi Seychelles, spesies dengan jangka hayat purata 150 tahun.

Bercakap kepada GWR, doktor haiwan, Joe Hollins berkata, walaupun Jonathan hilang deria bau dan

hampir buta akibat katarak, namun kura-kura itu tetap berselera makan.

"Pasukan kecil kami yang

berdedikasi menuapnya makan sekali seminggu termasuk diet buah dan sayur.

"Ini bukan sahaja untuk menambah kalorinya, tetapi meningkatkan metabolisme merangkumi vitamin, mineral dan unsur surih," katanya.

Jonathan tinggal di Plantation House, kediaman gubernor Saint Helena selama 141 tahun.